

27 JUL 2000

Mahathir-BN

KONSEP BN PALING SESUAI UNTUK PENDUDUK BERBILANG KAUM DI MALAYSIA

KOTA KINABALU, 27 Julai (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata hari ini konsep Barisan Nasional (BN) yang menggabungkan parti yang mewakili kepentingan penduduk pelbagai kaum di negara ini adalah pendekatan paling sesuai untuk menjaga kepentingan kaum di negara ini.

Perdana Menteri berkata belum tiba masanya satu parti dapat dibentuk di Malaysia untuk mewakili kepentingan semua kaum kerana ini mungkin akan menyebabkan kaum yang lebih ramai mendominasi parti berkenaan.

"Pendekatan BN adalah tolong-menolong antara satu sama lain. Tetapi oleh kerana BN terbahagi kepada 14 parti komponen, tentulah ramai yang berpendapat bahawa terdapat terlalu banyak parti politik di Malaysia dan akan bertanya apa perlunya 14 parti komponen dalam BN.

"Tetapi kita ini masih mempunyai perasaan yang berkenaan dengan kaum dan belum sampai masanya kita boleh membentuk satu parti yang terbuka kepada semua kaum kerana ada kemungkinan kaum yang lebih ramai akan mendominasi parti politik itu," katanya.

Ketika merasmikan Kongres Keenam Pertubuhan Pasok Momogun Kadazandusun Bersatu (UPKO) di sini Dr Mahathir berkata melalui BN suara semua kaum walau sekecil manapun bilangan mereka, akan tetap kedengaran.

"Sebab itu kita lebih suka kepada apa yang ada sekarang iaitu 14 parti bergabung dalam BN dan mereka semua mempunyai suara yang sama dalam dewan tertinggi BN," katanya.

Beliau juga menyatakan rasa gembira kerana konsep BN diterima dengan baik di kalangan rakyat di Sabah manakala parti komponen BN negeri juga menunjukkan kerjasama yang erat.

Beliau bagaimanapun menyatakan perasaan sedih dengan cubaan untuk mengadakan pemberontakan bersenjata untuk menjatuhkan kerajaan seperti yang cuba dilakukan kumpulan Al-Ma'unah di Sauk, Perak awal bulan ini.

"Mereka ini bukanlah kumpulan yang besar tapi mereka buat jenayah dengan kepercayaan bahawa apabila mereka memberontak, maka seluruh rakyat akan bangun untuk menjatuhkan kerajaan. Sebenarnya ini hanyalah khayalan yang tidak berasas," katanya.

Sebaliknya, kata Dr Mahathir, rakyat bukan sahaja tidak menyokong tindakan berkenaan, malah mengutuk tindakan kumpulan itu.

Perdana Menteri berkata, walaupun kumpulan berkenaan cuba mencetuskan perasaan benci antara penganut agama di negara ini, tindakan itu sama sekali tidak menggambarkan keadaan sebenar yang ada di Malaysia.

"Tidak benar bahawa ada niat di kalangan orang Islam untuk meniadakan hak orang bukan Islam di Malaysia. Malah kita beri pertimbangan yang sama kepada orang Islam dan yang bukan Islam.

"Oleh sebab itu apabila kumpulan Al-Ma'unah membunuh (dua tebusan mereka) yang bukan beragama Islam, orang yang beragama Islam juga mengutuk perbuatan itu," katanya.

Sebab itulah persefahaman antara penganut berlainan agama di negara ini adalah amat penting bagi memastikan kemakmuran negara, kata beliau.

Mengenai UPKO, Dr Mahathir berkata, sebagai satu daripada parti komponen BN, parti itu diharap akan terus berusaha supaya masyarakat Kadazandusun dan Murut yang diwakilinya akan dapat menikmati pembangunan negara.

Beliau yakin UPKO yang diterajui Menteri di Jabatan Perdana Menteri Tan Sri Bernard Dompok akan terus mendapat sokongan di kalangan masyarakat Kadazandusun dan Murut di negeri ini.

-- BERNAMA
JS NMO